

# FYi

August 2022

ISSN 1675-5464



*Your OSH preferred partner*



**Minggu Keselamatan  
dan Kesihatan Pekerja**

# Executive Director's Note

*Assalamualaikum W. B. T.*

*Bismillahirrahmanirrahim,*

Sepanjang bulan Ogos 2022, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) berjaya menganjurkan beberapa program penting termasuk Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kali ke-23 atau dikenali sebagai COSH 2022.

Penganjuran COSH 2022 amat bermakna kerana ia berjaya dilaksanakan secara fizikal di "Kuala Lumpur Convention Centre", selepas program tersebut terpaksa ditangguhkan selama dua tahun akibat pandemik COVID-19.

Penglibatan lebih 1,300 peserta dalam dan luar negara membuktikan komitmen semua pihak untuk kembali meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dalam era peralihan ke fasa endemik.

Ia juga membuktikan keazaman pihak terbabit untuk berusaha mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja, selari dengan pendirian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang meletakkan KKP sebagai salah satu hak pekerja.

Untuk edisi bulan Ogos 2022, FYI turut berkongsi maklumat mengenai keselamatan pekerja dan orang awam ketika musim banjir serta kepentingan sistem pengurusan ISO 45001 dan "Road Traffic Safety Management System" untuk membantu menangani kemalangan jalanraya.


Diharapkan perkongsian maklumat sebegini dapat membantu usaha NIOSH untuk memantapkan lagi tahap KKP melalui kerjasama rapat antara kerajaan, majikan dan pekerja.

Haji Ayop Salleh  
Executive Director  
NIOSH

## Editorial Team



August 2022  
eISSN 2762-7412



### Advisors

Haji Ayop Salleh  
Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)

### Editors & Writers

Ts. Hj. Shahronizam Noordin  
Muhamad Syarizat Azmi  
Joy Khong Chooi Yee  
Ir. Ts. Dr. Majahar Bin Abd Rahman  
Nor Amirul Asraf Razali

### Advertising & Media Sales

Mohd Hussin Abd Salam  
Email : dl.bmd@niosh.com.my  
Tel : +60 16-559 7399

### Publisher

**NIOSH**  
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel : 03-8769 2100  
Fax : 03-8926 2900  
Email : general@niosh.com.my  
Website : www.niosh.com.my

## Table of Contents

Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Minggu KKP)	3 - 5
Keselamatan Pekerja Dan Orang Awam Di Musim Banjir	6
RTSMS Membantu Menangani Isu-Isu Kritikal Risiko Lalulintas Jalanraya!	7
Poster-Poster Informasi	8
Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Bulan Ogos 2022	9 - 15
Keratan-Keratan Akhbar	16



Please scan this QR code to provide feedback on NIOSH publications



## Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Minggu KKP): Acuan Malaysia Promosi KKP Secara Bersinergi Dan Menyeluruh

Disediakan oleh:  
 Ir Ts Dr Majahar Bin Abd Rahman  
 Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Setiap tahun pada tanggal 28 April, Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lebih sinonim dengan panggilan *World OSH Day* disambut di seluruh dunia. *World OSH Day* diperkenalkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan buat pertama kalinya disambut pada tahun 2003. Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota ILO dan komited terhadap usaha untuk mengambil langkah bagi melindungi aspek KKP pekerja telah mengadakan sambutan *World OSH Day* semenjak tahun 2006. Terdapat 2 matlamat utama sambutan *World OSH Day*, iaitu bagi:

- i. Mengenang kembali dan menghargai mangsa yang terlibat dengan kemalangan dan penyakit pekerjaan; dan
- ii. Mempromosi budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan.

negara dalam usaha melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan;

- ii. Menyampaikan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di samping mewujudkan perkongsian maklumat pintar di antara kerajaan, majikan dan pekerja; dan
- iii. Sebagai platform kerjasama agensi kerajaan dan pihak swasta yang berkaitan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan pekerja.

Pada kebiasaannya *OSH Week* disambut pada minggu ke-2 bulan Julai, namun pada tahun ini ianya disambut pada 1 hingga 31 Julai di seluruh negara. Ini bagi memberikan masa yang mencukupi kepada semua pemegang taruh untuk menyertai dan melaksana program dan



Rajah 1: Kain Rentang Sambutan OSH Day 2022

Pada tahun ini, tema sambutan *World OSH Day* adalah "BERTINDAK BERSAMA Untuk Membina Budaya Kerja Selamat Dan Sihat Yang Positif" atau "ACT TOGETHER To Build A Positive Safety And Health Culture" sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ILO.

Selain *OSH Day*, negara kita juga mengadakan satu lagi program promosi KKP secara meluas dan bersinergi dengan melibatkan semua pemegang taruh yang relevan termasuk kerajaan, majikan, pekerja dan pengamal KKP. Program ini dikenali sebagai Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Minggu KKP). Minggu KKP atau lebih dikenali sebagai *OSH Week* merupakan acara tahunan yang disambut setiap tahun lanjutan daripada arahan kabinet bertarikh 24 Mei 2006. Antara objektif utama penganjuran *OSH Week* adalah untuk:

- i. Mempromosi dan menjadikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sebagai satu agenda penting

aktiviti, termasuk pertandingan yang diadakan. Upacara pelancaran *OSH Week* tahun ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia merangkap Pengerusi bagi Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP), Yang Berhormat Datuk Haji Awang Bin Hashim. Pada tahun ini juga pelancaran *OSH Week* dibuat bersekali dengan Pembentangan Statistik Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan Negara 2021 yang juga telah dilakukan oleh beliau.

Tema *OSH Week* pada tahun ini adalah **Semarakkan OSHMP25-KKP Inklusif: Kebersamaan dan Komitmen**. Bertepatan dengan tema pada tahun ini, program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan juga adalah ke arah menyemarakkan lagi pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021 – 2025 (OSHMP25).

Antara aktiviti *OSH Week* yang dilaksanakan pada tahun ini



Rajah 2: Majlis Pelancaran OSH Week 2022

termasuklah pembentangan status kemajuan OSHMP25 dan tujuh (7) Teras Strategik di bawahnya. Selain itu terdapat pelbagai program yang telah dikenalpasti untuk dijalankan di seluruh negara termasuklah:

- i. Aktiviti-aktiviti yang dirangka di bawah tujuh (7) teras strategik OSHMP25;
- ii. Program Verifikasi dan Peningkatan Aras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan secara Berperingkat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana atau lebih dikenali sebagai SOLVE 4 SME; dan
- iii. Pertandingan *Tik Tok*, kain rentang (*banner*) dan perkongsian amalan KKP terbaik.

Pada sidang mediana sempena OSH Week tahun ini, YB Timbalan Menteri telah menyatakan faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan kadar kecederaan dan kecederaan maut pekerjaan yang ketara bagi tahun 2021 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Bagi tempoh sedekad yang lalu, kadar kecederaan pekerjaan 2021 menunjukkan penurunan ketara sebanyak 58%, berbanding 3.40 setiap 1,000 pekerja pada tahun 2011. Manakala, kadar kecederaan maut pekerjaan 2021 pula berkurang sebanyak 68%, berbanding 6.17 setiap 100,000 pekerja pada tahun 2011.


Rajah 3: Antara Aktiviti OSH Week 2022 Peringkat Negeri

Faktor penyumbang yang dinyatakan termasuk:

- i. Penguatkuasaan dan promosi berkesan oleh JKPP diteruskan termasuk dengan menggunakan pendekatan norma baharu;
- ii. Kesan tindakan punitif JKPP terhadap majikan yang gagal mematuhi kehendak perundangan KKP;
- iii. Majikan dan pekerja lebih prihatin untuk melaksana dan mematuhi SOP termasuk aspek KKP;
- iv. Peranan aktif penyedia latihan, pertubuhan bukan kerajaan, dan lebih 68 ribu pengamal KKP berdaftar, dalam membantu majikan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;

- v. Keberhasilan jangka panjang pelaksanaan Pelan Induk KKP Negara; dan
- vi. Aktiviti ekonomi pelbagai sektor pekerjaan yang baru berjalan semula di bawah Pelan Pemulihan Negara.

Sehubungan dengan itu dapat disimpulkan gabungan aktiviti perancangan strategik, penetapan standard, penguatkuasaan dan promosi KKP berkesan termasuk menerusi sambutan *OSH Week* dapat menyumbang kepada usaha berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara dan boleh menjadi penanda aras peringkat antarabangsa.



Rajah 4: Statistik Kecederaan Dan Kecederaan Maut Pekerjaan 2011-2021



# Keselamatan Pekerja Dan Orang Awam Di Musim Banjir



Disediakan oleh:  
**Nor Amirul Asraf Razali**  
 Technical Executive  
 Consultation, Research and Development Department (CRD)  
 National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH)  
 Email : [nor.amirul@niosh.com.my](mailto:nor.amirul@niosh.com.my)

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), Malaysia menzahirkan rasa kebimbangan atas keselamatan dan kesihatan orang awam di musim monsun yang akan datang dan cuaca yang tidak menentu kini. Hujan yang turun dengan lebih banyak pada kebelakangan ini dan musim monsun yang akan datang menyebabkan kegusaran dikalangan orang ramai terutama jika berlaku banjir kilat.

Pada tahun 2020, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga melaporkan berlakunya banjir kilat di ibu kota negara hingga menyebabkan Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (SMART) diaktifkan ke Mod Empat.

Sehubungan dengan itu, persediaan awal amat penting untuk semua bagi menjamin keselamatan dan kesihatan terjaga di musim monsun ini.

NIOSH menyarankan agar orang awam memastikan sistem perparitan di kawasan rumah tidak tersumbat. Simpan nombor perhubungan penting seperti polis dan bomba untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan. Dapatkan maklumat terkini cuaca dan banjir melalui radio, tv, internet dan media yang sah. Orang awam juga digalakkan menyediakan keperluan dalam Beg Kecemasan seperti dokumen penting, air bersih, alatan kecemasan, ubat-ubatan, kelengkapan bayi, makanan tin atau kering, pakaian dan alatan mandi serta kelengkapan solat.

NIOSH mengambil berat dan memandang serius setiap kemalangan dan penyakit yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan termasuk kes yang melibatkan orang awam. NIOSH sentiasa komited untuk terus meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di negara ini terutama yang melibatkan pekerja.

Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, adalah menjadi kewajipan setiap majikan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya mahupun orang awam. Majikan mempunyai kawalan penuh ke atas sebarang aktiviti di tempat kerja, membuat analisa risiko dan mengadakan kawalan risiko yang berkesan sebelum pekerja menjalankan aktiviti kerja.


Merujuk kepada berita harian terbitan 7 Februari 2022, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga sangat menggalakkan majikan di negara ini untuk meneruskan dasar bekerja dari rumah (BDR) bagi memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat untuk pekerja. Perkara ini bagi mengimbangi kesihatan awam dan pemulihan ekonomi. Oleh yang demikian, pihak majikan boleh melaksanakan pekerja bekerja dari rumah sekiranya cuaca tidak menentu terutama di musim monsun. Ini bagi mengurangkan risiko keselamatan ke atas pekerja dan orang awam serta mengelakkan berlakunya kemalangan ke atas pekerja dan orang awam. Pekerja dan orang awam juga disarankan agar melakukan persediaan sendiri agar diri sendiri dan keluarga terjaga demi keselamatan dan kesihatan pada setiap masa.

**JAGA KESELAMATAN ANDA SEMASA BANJIR**

- PINDAH SEGERA KE PUSAT PEMINDAHAN APABILA DIARAHKAN**
- JANGAN BIARKAN KANAK-KANAK BERMAIN AIR BANJIR** KERANA BOLEH MENGAKIBATKAN BERBAGAI PENYAKIT YANG BERBAHAYA DAN JUGA MENGACAM NYAWA
- ELAKKAN DARI MEREDAH JALAN RAYA YANG DITENGGELAMI AIR**
- TUTUP SEMUA SUIS UTAMA ELEKTRIK, INJAP UTAMA BEKALAN AIR DAN GAS SEBELUM MENINGGALKAN RUMAH**
- JANGAN HAMPIRI DAWAI ELEKTRIK YANG JATUH KE DALAM AIR**
- GUNA PERALATAN PELINDUNG DIRI YANG SESUAI SEMASA MEMBUAT KERJA-KERJA PEMBERSIHAN**

Facebook: [nioshmalaysia](https://www.facebook.com/nioshmalaysia) | Instagram: [NioshMalaysia](https://www.instagram.com/NioshMalaysia) | Website: [www.niosh.com.my](http://www.niosh.com.my)

# RTSMS Membantu Menangani Isu-Isu Kritikal Risiko Lalulintas Jalanraya!



Disediakan oleh:  
**Ts. Haji Shahronizam Noordin**  
 Bahagian Penyebaran Maklumat (IDD)  
 National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH)  
 Email : shahronizam@niosh.com.my / ijam21875@gmail.com

Kita dikejutkan lagi dengan peristiwa kemalangan nahas yang membabitkan kenderaan berat seperti lori dan treler. Terbaru 4 sekeluarga maut dalam perjalanan untuk menghantar anak yang baru mendapat kerja di Kuala Lumpur. Statistik juga menunjukkan sekitar 1.35 juta orang terbunuh dan 20 hingga 50 juta tercedera seluruh dunia akibat kemalangan dijalanraya setiap tahun. Di Malaysia statistik kemalangan jalanraya menunjukkan sekitar 17 hingga 20 orang maut direkodkan setiap hari.

Persoalannya bagaimana untuk mengurus risiko dijalanraya? Secara asasnya setiap risiko mempunyai kaedah dan sistem bagi mengawalinya. Jika kita bercakap berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), kita senantiasanya akan merujuk kepada sistem pengurusan ISO 45001. Manakala perancangan untuk mengurus risiko alam sekitar, kebanyakannya pula akan merujuk kepada sistem pengurusan ISO 14001.

Bagaimanapun untuk risiko lalulintas dijalanraya, tidak ramai industri dan pengamal KKP sedar akan kewujudan

'Road Traffic Safety Management System (RTSMS)' iaitu sistem ISO 39001. Sistem pengurusan ini dibangunkan untuk membantu menangani isu-isu kritikal risiko lalulintas jalanraya yang menjadi perhatian global.

Walaupun RTSMS ini bersifat sukarela untuk pemakaiannya, namun kaedah dan sistem ini sangat baik untuk diguna bagi mengurus risiko lalulintas jalanraya terutama melibatkan kenderaan-kenderaan komersial seperti lori, treler, bas dan teksi.

Oleh itu bagi menjayakan sistem pengurusan keselamatan lalulintas jalanraya ini ia memerlukan sokongan pelbagai pihak terutama pengusaha, pemandu serta agensi penguatkuasaan seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan. Disamping adanya undang-undang jalanraya seperti Akta Pengangkutan Jalan 1987, diharapkan RTSMS adalah sebagai 'perkakas' bagi membantu pematuhan perundangan!





## MAKLUMAN WAKTU OPERASI

BAHARU BERMULA 1 SEPTEMBER 2022

Lokasi Pejabat	Waktu Kerja Baharu	Waktu Rehat (Biasa)	Waktu Kerja (Jumaat)
Ibu Pejabat Bandar Baru Bangi Pejabat Wilayah Utara (Pulau Pinang & Manjung) Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kuantan) Pejabat Wilayah Selatan (Melaka)	8.00 am – 5.15 pm	1.00 pm – 1.45 pm	8.00 am – 12.30 pm
Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh & Kota Bharu) Pejabat Wilayah Selatan (Dohor Bahru & Pengerang) Pusat Kecemerlangan Ergonomik (EEC)	8.00 am – 5.15 pm 8.00 am – 12.30 pm (Khamis sahaja)	1.00 pm – 1.45 pm	tiada
Pejabat Wilayah Sabah (Kota Kinabalu, W.P. Labuan, Sandakan & Tawau) Pejabat Wilayah Sarawak (Kuching, Bintulu, Miri & Kapit)	7.30 am – 4.45 pm	1.00 pm – 1.45 pm	7.30 am – 12.00 pm

Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah  
013-222 4966

Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan  
013-222 8155

Bahagian Peperiksaan dan Persijilan  
019-666 8599

Bahagian Perniagaan dan Pemasaran  
019-666 4089



**DML SHARING**

**HOW TO MAKE SURE YOUR RESPIRATOR PROTECTS YOU?**

FOR ANY ENQUIRIES, PLEASE CONTACT:  
 Dust Mask Laboratory (DML)  
 National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH), Bangi  
 03 - 8769 2100 (ext. 2255)




PLEASE SCAN THE QR CODE FOR MORE INFO!

- ✓ USE THE RIGHT FILTERS
- ✓ REPLACE FILTERS WHEN REQUIRED
- ✓ HAVE TRAINING ON HOW TO USE IT
- ✓ FIT IT PROPERLY
- ✓ STORE & CLEAN IT PROPERLY
- ✓ MAINTAIN IT PROPERLY





WATCH OUT FOR YOUR OWN SAFETY & HEALTH!



**PERKHIDMATAN KESIHATAN PEKERJAAN UNTUK KOMUNITI**

**Kaedah**

-  Kolaborasi bersama majikan
-  Kolaborasi bersama individu



**Objektif**

- Penambahbaikan di tempat kerja
- Memupuk budaya kerja sihat dan selamat
- Meningkatkan kesedaran berkenaan penyakit berkaitan pekerjaan
- Membantu meringankan bebanan pekerja dan majikan bagi kos perkhidmatan kesihatan pekerjaan

**Pengisian Program.**

**Hari 1**  
 Temujanji bersama Doktor Kesihatan Pekerjaan di Pusat Kesihatan Pekerjaan NIOSH, Bandar Baru Bangi Selangor (Penginapan disediakan di Hostel NIOSH secara percuma jika perlu)

**Hari 2**  
 Pembentangan hasil penemuan dan cadangan penambahbaikan tempat kerja kepada majikan / individu

**CARTA ALIRAN PROSEDUR PERKHIDMATAN KESIHATAN PEKERJAAN UNTUK KOMUNITI**

```

            graph TD
            A[Terima Pelanggan] --> B[WINA & Health Screening (M50)]
            B --> C[Spesimen dihantar ke makmal]
            C --> D[Pemeriksaan kesihatan]
            D --> E{Penginapan Hostel}
            E -- YA --> F[Program Kesedaran E.A.B & Lawatan DML (Out & Check Out)]
            E -- TIDAK --> G[Pembentangan laporan secara atas talian]
            F --> G
            G --> H[Tamat]
            
```

**Objektif**

- Penambahbaikan di tempat kerja
- Memupuk budaya kerja sihat dan selamat
- Meningkatkan kesedaran berkenaan penyakit berkaitan pekerjaan
- Membantu meringankan bebanan pekerja dan majikan bagi kos perkhidmatan kesihatan pekerjaan

**Pengisian Program.**

**Hari 1**  
 Temujanji bersama Doktor Kesihatan Pekerjaan di Pusat Kesihatan Pekerjaan NIOSH, Bandar Baru Bangi Selangor (Penginapan disediakan di Hostel NIOSH secara percuma jika perlu)

**Hari 2**  
 Pembentangan hasil penemuan dan cadangan penambahbaikan tempat kerja kepada majikan / individu

[www.niosh.com.my](https://www.niosh.com.my) | @NioshMalaysia | 012-264 0869



**MyNIOSH**

MyNIOSH merupakan aplikasi mudah alih paparan berpusat bagi pelbagai perkhidmatan NIOSH

**Muat Turun dan Pasang aplikasi ini sekarang!!!**

Jom dapatkan aplikasi MyNIOSH di Google PlayStore. Kini, anda boleh menyemak kursus-kursus anda dan info terkini di MyNIOSH apps.

**Muat turun sekarang**




**Akan Datang**

**Ciri-ciri Aplikasi**

- › Daftar dan Semak status kursus
- › Daftar dan Semak status peperiksaan
- › Akses kepada eKad
- › Maklumat dan Promosi terkini
- › Capaian ke eposter, buletin dan bahan terbitan percuma
- › Maklumbalas



www.niosh.com.my




Google Play



7 OGOS 2022

**NIOSH Respiratory Protective Mask and Gas Filter Research Awarded Gold by UPNM**

Covid-19 Pandemic has brought us to a new normal where face mask is required as a protective measure.

Another eye-opener incident in Sungai Kim Kim on gaseous toxic release that raise the awareness on respiratory protective mask and gas filter.

Through the observation and research development, we have produce the Respiratory Protective Mask and Gas Filter.

Alhamdulillah, the product were presented with the Gold Award at Defence Security and Sustainability Exhibition (DSS22) organised by UPNM on 15-16 June 2022.

Thank you to YB Dato' Dr. Noraini Ahmad, Minister of Higher Education, for visiting our booth.

Interested to know, please visit us at NIOSH MALAYSIA #Gas Mask Laboratory (GML)



17 OGOS 2022

**Lawatan kerja delegasi Pengurusan Tertinggi ke Pengerang Integrated Complex (PIC) di dalam Daerah Kota Tinggi, Johor**



17 Ogos 2022, Pengerang - Delegasi Pengurusan Tertinggi NIOSH telah mengadakan lawatan kerja ke Pengerang Integrated Complex (PIC) di dalam Daerah Kota Tinggi, Johor.

Pengerusi NIOSH, YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong mengetuai delegasi bersama-sama YB Senator Datuk T. Mohan, Timbalan Pengerusi NIOSH. Turut serta YBrs. Tuan Haji Ayop bin Salleh, Pengarah Eksekutif; pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai kanan NIOSH dari ibu pejabat dan NIOSH Wilayah Johor.

Kunjungan ke PIC yang dibawah pengurusan Petronas Refinery and Petrochemical Corporation (PRPC) ini adalah meneruskan tradisi NIOSH mengeratkan hubungan bersama Petronas yang menjadi rakan peneraju strategik di dalam memperkasakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor minyak dan gas.

Pihak Petronas diwakili oleh En. Mazlan bin Othman, Head (Capability Development & Management), Group HSE PETRONAS, M Faatih B M Noor, Senior Manager (People Management & Capability) PRPC dan pegawai-pegawai kanan dari Petronas dan anak-anak syarikatnya.

Pelbagai perkongsian maklumat, bertukar-tukar pendapat dan idea-idea baru berkaitan kedua-dua organisasi yang pasti akan memberi manfaat bukan sahaja kepada Petronas dan NIOSH tetapi juga pemain-pemain industri khususnya.

Risiko bekerja di industri minyak dan gas seperti di PIC ini menuntut komitmen tinggi setiap warga pekerja dan kontraktor sehingga ke kepimpinan tertinggi Petronas. Pihak NIOSH akan terus komited dan menyokong segala usaha dan perancangan pihak Petronas di dalam memastikan industri minyak dan gas negara kekal selamat untuk bekerja.

**18 OGOS 2022**

## **Lawatan kerja delegasi ke Pelabuhan Tanjung Langsat di Daerah Pasir Gudang, Johor**



18 Ogos 2022, Pasir Gudang - Siri lawatan kerja delegasi NIOSH yang diketuai oleh YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong, Pengerusi NIOSH diteruskan ke Pelabuhan Tanjung Langsat di Daerah Pasir Gudang, Johor. YBrs. Tuan Haji Ayop bin Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH, pengurusan tertinggi dan pegawai NIOSH dari ibu pejabat dan NIOSH Wilayah Selatan juga turut serta.

Delegasi NIOSH telah disambut oleh Kapten Zainal Mohd Topp, Ketua Pengawai Operasi, TLP Terminal Sdn Bhd iaitu operator Pelabuhan Tanjung Langsat. TLP Terminal Sdn Bhd adalah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Johor Corporation (JCorp), agensi kerajaan negeri Johor.

Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan antara NIOSH dan pemain industri utama di Johor khususnya bagi sektor perkhidmatan berkaitan pelabuhan, logistik dan pengangkutan. NIOSH menyatakan kesediaan untuk membantu dan menyokong keperluan TLP Terminal Sdn Bhd terutamanya di dalam usaha memperkasakan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Segala idea dan pertukaran pendapat antara kedua-dua pihak NIOSH dan TLP Terminal Sdn Bhd pastinya akan dapat memberi manfaat bukan hanya kepada Pelabuhan Tanjung Langsat sahaja tetapi juga kepada rakyat amnya.

**19 OGOS 2022**

## **Program “Hijau Pokok Dan Sihat Tanpa Rokok”**



19 Ogos 2022 - NIOSH telah menjalankan aktiviti penanaman pokok menerusi program “Hijau Pokok dan Sihat Tanpa Rokok” anjuran NIOSH Occupational Safety and Health, Environment and Road Traffic Committee (NOSHERTCOM). Aktiviti penanaman pokok yang dijalankan di sekitar NIOSH telah disertai oleh Wakil Pengurusan Alam Sekitar dan 40 orang kakitangan daripada pelbagai bahagian. Sebanyak 40 batang pokok telah berjaya ditanam sebagai simbolik menggantikan jumlah penggunaan kertas yang digunakan bermula Januari sehingga Jun 2022.

**29 OGOS 2022**

**Majlis Pertukaran MOU di antara E-Idaman dan NIOSH**



29 Ogos 2022, Kuala Lumpur - E-Idaman Sdn Bhd, penyedia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang beroperasi di utara Semenanjung Malaysia menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dengan NIOSH di dalam memperkasa aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

MOU di antara E-Idaman dan NIOSH ini adalah di dalam usaha menambahbaik aspek KKP di dalam aktiviti kerja harian pekerja termasuk kontraktor.

Majlis pertukaran dokumen MOU di antara Ketua Pegawai Eksekutif E-Idaman, YBhg En Zaki Abdul Aziz Daud dan Pengarah Eksekutif NIOSH, YBhg Tn Hj Ayop Salleh. Pertukaran MOU ini disaksikan oleh YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong, Pengerusi NIOSH. Pegawai kanan dan pengurusan tertinggi E-Idaman dan NIOSH juga turut hadir.

Inisiatif E-Idaman ini adalah komitmen yang berterusan di dalam memastikan risiko dan bahaya pekerja di dalam sektor perkhidmatan pengurusan sisa dan pembersihan.

NIOSH akan komited untuk terus menyokong keprihatinan pemain industri di dalam usaha memperkasakan aspek KKP terutamanya membudayakan kesejahteraan di tempat kerja.

**CEP DOSH**  
: 15 point (JKKP/2022/14/00237)

**CPD MMA**  
: 16 point (Event ID : CPDE38441)

**CCD CIDB**  
: 20 point (CIDBWP/B/CIMS/2022/6309)

**CPD BEM**  
: 15 point ( BEM/REG/12 Jld. 9 (515))

**CPD MOH**  
: 8-20 point

Sponsored By: O2 klinik, 3M, TOPSAFE, PERSO, MEDICAL, ICHEMISTRY, SAFETY FOOTWEAR

**COSH 2022**  
23<sup>rd</sup> CONFERENCE AND EXHIBITION ON OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH

29<sup>th</sup> - 30<sup>th</sup> August 2022  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

**EXHIBITORS**

Logos of exhibitors: O2 klinik, 3M, TOPSAFE, ERD, KLINIK, AITO, pharmaniaga, Expro, HUI, ACONEX, ISO, KES, ANSACTECH, TechHou, ASECE, ACONEX, Bullard, ZOLL, Dräger, SOPRIMA, RESER, TECHNOLOGIES, LumiBright, LPPKN, MIRA, MIROS, DIGITAL SOLUTION, OUMI, MY SHEQA, GLAND, HANADA, SunLungarya Tenaga, PERSO, MEDICAL, ICHEMISTRY, SAFETY FOOTWEAR.

**29 OGOS 2022**

**Perasmian Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (COSH) kali ke-23**



29 Ogos 2022, Kuala Lumpur - Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan telah merasmikan Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (COSH) kali ke-23 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur.

COSH kali ini menawarkan perkongsian maklumat, teknologi terkini oleh pakar-pakar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dalam dan luar negara kepada para pekerja dan majikan.

Seramai 1300 orang peserta dari dalam dan luar negara yang turut diikuti secara dalam talian, 20 kertas pembentangan oleh penceramah tempatan dan wakil-wakil antarabangsa, 59 organisasi pempamer yang terdiri dari jabatan dan agensi kerajaan, pengeluar dan pengedar produk dan perkhidmatan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Majlis perasmian COSH 2022 juga turut dihadiri oleh Pengerusi NIOSH, YB Datuk Wilson Ugak Kumbong; Pengarah Eksekutif NIOSH, YBrs. Tuan Haji Ayop bin Salleh. Turut hadir ketua dan wakil ketua jabatan Kementerian Sumber Manusia seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Human Resource Development Corp., Jabatan Pembangunan Kemahiran, wakil-wakil industri di pelbagai sektor.

Kerajaan sentiasa peka dan komited dalam memastikan kadar kemalangan di tempat kerja terus menurun selari dengan pendirian ILO yang meletakkan KKP sebagai salah satu hak asasi pekerja.

30 OGOS 2022

## Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ke-23 (COSH 2022) di hari kedua

30 Ogos 2022, Kuala Lumpur - Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ke-23 (COSH 2022) di hari kedua bermula pada pukul 9.00 pagi dan berakhir pada pukul 5.00 petang.

20 kertas pembentangan oleh pakar-pakar dari pelbagai disiplin yang terdiri dari penceramah dalam dan luar negara. Topik-topik teknikal yang berkisar kepada cabaran baharu yang memerlukan kaedah pengurusan risiko dan bahaya di tempat kerja yang bersifat jangka panjang bagi mengekalkan produktiviti di samping memfokuskan kesejahteraan tenaga kerja.

COSH 2022 berakhir dengan forum berkisar kepada tema COSH kali ini iaitu *"Resilience Towards New Challenges."* NIOSH sebagai moderator dengan ahli panel yang terdiri daripada wakil PERKESO, JKKP dan MBAM bertukar-tukar pandangan di dalam menyokong usaha mengurangkan kadar kemalangan industri.



30 OGOS 2022

## Majlis Penutupan Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ke-23 (COSH 2022)

30 Ogos 2022, Kuala Lumpur - YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong, Pengerusi NIOSH merasmikan Majlis Penutupan Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ke-23 (COSH 2022).

COSH 2022 yang berlangsung selama dua hari bermula 29 Ogos 2022 hingga 30 Ogos 2022 ini merupakan platform kebangsaan yang menghimpunkan profesional keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), pakar teknikal, wakil majikan, wakil pekerja, jabatan kerajaan dan swasta, pemain industri dan penyedia produk dan perkhidmatan KKP dalam dan luar negara.

*"Resilience Towards New Challenges"* di pilih sebagai tema kali ini bagi memfokuskan kepada usaha memperkasa industri di dalam menghadapi pelbagai cabaran terkini terutamanya di dalam suasana pemulihan negara dan kemajuan teknologi terkini.

Pengerusi NIOSH menyatakan komitmen kerajaan melalui jabatan dan agensi Kementerian Sumber Manusia seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan kementerian lain di dalam mengurangkan kemalangan di tempat kerja.

Usaha berterusan ini secara langsung akan dapat memberikan kesejahteraan kepada tenaga kerja negara serta menyokong produktiviti dan industri negara. Hasrat ini hanya akan dapat dicapai dengan kerjasama rapat pelbagai pihak khususnya antara kerajaan, majikan dan pekerja selaras dengan konsep tripartite.

Majlis penutup COSH 2022 kali ini sederhana tetapi sungguh bermakna kerana diadakan bersama dengan sambutan Hari Kebangsaan yang ke-65. Majlis penutupan turut diselitkan dengan meraikan peserta yang mengenakan pakaian pelbagai etnik suku kaum di Malaysia bagi menerapkan semangat Keluarga Malaysia sesuai dengan tema Hari Kebangsaan 2022 #KeluargaMalaysiaTeguhBersama.

Nyanyian lagu Keranamu Malaysia dan Jalur Gemilang yang dinyanyikan oleh seluruh peserta sambil kibaran bendera Jalur Gemilang menjadi penutup majlis penutup COSH 2022.



16 OGOS

# 1 BUAL BICARA

**Bual Bicara**  
Resilience Towards New Challenges  
Conference and Exhibition Occupational Safety and Health (EOSH)

**Moderator**  
Pn. RUZITA SHARIFF  
Pakar Teknikal  
JABATAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN & PEKERJA MELAYU (ETA & POL) NIOSH

**Panel**  
TS. SHAHRONIZAM NOORDIN  
PENGURUS  
BAHAGIAN PENYEBARAN MAKLUMAT (EOD) NIOSH

**Panel**  
EN. AZHAR AHMAD  
PAKAR TEKNIKAL  
JABATAN REHABILITASI, PENYELIDIKAN DAN PEMBANTUAN (CRDD) NIOSH

**Panel**  
EN. MOHAMAD SYAFULLAH JAMALUDIN  
SEKUTU  
BAHAGIAN PERMBAHAN DAN PEMASAKAN (SMO) NIOSH

16 Ogos 2022 (Selasa) | 11:00 am - 12:00 pm

02 OGOS

## Sesi Taklimat

(atas talian)

Program Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MITRA - NIOSH 2022

**02 OGOS 2022**  
**03.00 PM**  
**LIVE nioshmalaysia**

**Penceramah**  
**En. M. Parnesvaran**  
Pakar Teknikal NIOSH

SVARAT KELAYAKAN PROGRAM TAJAAN DAFTAR SEKARANG

Warganegara Malaysia yang berbangsa India daripada seluarage 640 Pengagajar yang sedang mencari kerja Graduan TVET Lulusan Universiti, Politeknik, ADTEC, IEP, IKRN, Kolej Swasta PENGHAPATAN, MAKAN & ELAJIN LATIHAN DISEDIAKAN

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

# 2 OSHTALK

05 OGOS

**NIOSH OSH TALK - OSH Mental Health**

**OSH Talk**

**OSH Mental Health**

**Topic : Let's TALK Minda Sihat Bekerja Dari Rumah**

**Speaker: Mrs. Siti Nurani Hassan**

**NIOSH LIVE 05/08/2021, Thursday 11.00 AM - 12.00 PM**  
[www.facebook.com/nioshmalaysia](http://www.facebook.com/nioshmalaysia)

06 OGOS



**Online Seminar**  
**HIRARC**  
PLANNING AND IMPLEMENTING  
**RISK CONTROL**  
IN THE WORKPLACE

YURAN :  
**RM53**  
(Termasuk 6% SST)

TARIKH : 06 OGOS 2022 (SABTU)  
MASA : 9 PAGI - 12 T/HARI

\* Seminar ini TIDAK MENYEDIAKAN mata kredit CEP

- Seminar online di Aplikasi Zoom Meeting
- Terbuka hanya kepada PESERTA yang telah membuat bayaran sahaja
- SIJIL PENYERTAAN disediakan

Untuk mendaftar :  
<https://edafar.niosh.net.my>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :  
WhatsApp : 019-231 6608 (sekretariat)  
Email : dl.tscd@niosh.com.my

**HAIRUDDIN BIN NASRI**  
- SAFETY AND HEALTH OFFICER (SHO) COURSE -  
COMPETENT / CERTIFIED TRAINER & SPEAKER

13 OGOS



**Online Seminar**  
**MANAGING**  
**SAFETY AND HEALTH AT**  
**CONFINED SPACE**  
THE PRACTICES & PROCEDURES

YURAN :  
**RM53**  
(Termasuk 6% SST)

TARIKH : 13 OGOS 2022 (SABTU)  
MASA : 9 PAGI - 12 T/HARI

\* Seminar ini TIDAK MENYEDIAKAN mata kredit CEP

- Seminar online di Aplikasi Zoom Meeting
- Terbuka hanya kepada PESERTA yang telah membuat bayaran sahaja
- SIJIL PENYERTAAN disediakan

Untuk mendaftar :  
<https://edafar.niosh.net.my>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :  
WhatsApp : 019-231 6608 (sekretariat)  
Email : dl.tscd@niosh.com.my

**PREM KUMAR GOVINDASAMY**  
AESP & AGTES COMPETENCY PROGRAMME  
(COMPETENT / CERTIFIED TRAINER & ASSESSOR)

**3 ONLINE SEMINAR**

18 OGOS



**SEMINAR**  
PENGENALPASTIAN HAZAD,  
PENAKSIRAN RISIKO DAN  
KAWALAN RISIKO (HIRARC)  
DI TEMPAT KERJA

8.00 PAGI -  
1.00 TENGAH HARI  
18 OGOS 2022  
(KHAMIS)

DEWAN RAFFLESIA,  
NIOBH BANGI

PENYERTAAN ADALAH  
**PERCUMA**

- \* PENGANJURAN SECARA FIZIKAL SAHAJA (TIDAK ONLINE)
- \* TERBUKA KEPADA **PENCARUM PERKESO**
- \* SIJIL PENYERTAAN DISEDIAKAN
- \* TIDAK MATA KREDIT (BUKAN SEMINAR 1 HARI)
- \* PENYERTAAN ADALAH TERHAD

DAFTAR  
<https://edafar.niosh.net.my/>

Sebarang pertanyaan  
019 - 231 6608  
dl.tscd@niosh.com.my

20 OGOS



**Online Seminar**  
**FIRST AID MANAGEMENT**  
**PREVENTING**  
**INJURY AND ILLNESS**  
IN THE WORKPLACE

YURAN :  
**RM53**  
(Termasuk 6% SST)

TARIKH : 20 OGOS 2022 (SABTU)  
MASA : 9 PAGI - 12 T/HARI

\* Seminar ini TIDAK MENYEDIAKAN mata kredit CEP

- Seminar online di Aplikasi Zoom Meeting
- Terbuka hanya kepada PESERTA yang telah membuat bayaran sahaja
- SIJIL PENYERTAAN disediakan

Untuk mendaftar :  
<https://edafar.niosh.net.my>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :  
WhatsApp : 019-231 6608 (sekretariat)  
Email : dl.tscd@niosh.com.my

**EN. MUHAMMAD FARID BIN AHMAD ROSLI**  
OCCUPATIONAL SAFETY & FIRST AID PROG.  
COMPETENT / CERTIFIED TRAINER

Organised by:

**SEMINAR**  
**THERMAL HAZARD (FIRE & ELECTRIC ARC)**  
**HAZARD ASSESSMENT**  
**AND PROTECTION**

**FREE** FIRST COME FIRST SERVE  
GET CEP : 5 POINTS

**08.30 AM - 05.30 PM**  
22 SEPTEMBER 2022  
THURSDAY  
60A PUBLIC LIBRARY,  
BINTULU, SARAWAK

Register Now at:  
[edafar.niosh.net.my](https://edafar.niosh.net.my)

Sponsored by: Supported by:

**22 SEPT**

**4 WEBINAR**

NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (NIOSH)

**WEBINAR :**

**IMPLEMENTATION OF**  
**PROCESS SAFETY**  
**MANAGEMENT (PSM)**

*Join Us Now!*

**DR. AZILUZ BIN BUANG**  
PROCESS SAFETY MANAGEMENT (PSM)  
AWARENESS COURSE  
(PROFESSIONAL & CERTIFIED TRAINER)

**ZULKARNAIN BIN MOHD SAID**  
PROCESS SAFETY MANAGEMENT (PSM)  
AWARENESS COURSE  
(PROFESSIONAL & CERTIFIED TRAINER)

**DATE: 25 AUGUST 2022 (THURSDAY)**  
**TIME: 08.30AM - 05.30PM**  
**FEE: RM150.00 (INCL 6% SST)**

**WHO SHOULD ATTEND**

- SAFETY PERSONNEL/MANAGER
- SUPERVISOR
- OSH PRACTITIONERS
- SAFETY AND HEALTH COMMITTEE MEMBERS
- ENGINEERS, DESIGNERS AND ARCHITECTS

**FOR MORE INFO:**  
019 - 231 6608 (sekretariat seminar)  
dl.tscd@niosh.com.my

**REGISTER NOW @**  
<https://edafar.niosh.net.my>

**CERTIFICATE OF ATTENDANCE**  
**5 CEP POINTS**

25 OGOS

# Pekak akibat pekerjaan makin serius



Mohd Anuar (tengah) melancarkan Seminar Guideline on Management of Occupational Noise-Related Hearing Disorders pada Rabu.

**KUANTAN** - Peningkatan kes penyakit hilang pendengaran berpunca daripada pekerjaan di negara ini semakin serius.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Kementerian Sumber Manusia, Mohd Anuar Embi berkata, sebanyak 2,042 kes direkodkan daripada 4,928 kes keseluruhan bagi tempoh Januari hingga Mei lalu.

Menurutnya, berdasarkan data, sebanyak 1,273 kes atau 62.3 peratus adalah penyakit hilang pendengaran akibat kebisingan pekerjaan; 35 kes atau

1.7 peratus masalah tulang-otot pekerjaan dan 29 kes atau 1.4 peratus berkaitan pendedahan bahan kimia berbahaya.

"Ini menunjukkan penyakit pekerjaan utama berlaku di Malaysia. Kementerian Sumber Manusia melalui JKKP memandang serius trend peningkatan kes penyakit hilang pendengaran akibat kebisingan di industri.

"Penyakit melibatkan pekerjaan ini memberi implikasi negatif terutama aspek ekonomi dan sosial yang perlu ditanggulangi oleh pekerja, keluarga pesakit, majikan dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu sidang akhbar selepas pelancaran Seminar *Guideline on Management of Occupational Noise-Related Hearing Disorders* di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kuantan, pada Rabu.

Mohd Anuar berkata seminar itu merupakan satu garis panduan holistik bagi membantu pihak perantara dan pengamal perubatan terutama doktor kesihatan pekerjaan dalam pengurusan kes penyakit kehilangan pendengaran akibat kebisingan pekerjaan di industri.

# HM - 1082022 - ms9

## Ajal ditimpa runtuhan dinding bangunan



MUJARRAF ditimpa runtuhan bangunan di dalam kawasan di tempat pembinaan di Bandar Sentral, PPR, Peti Bessan. Yaga juga pekerja kontraktor oleh Kementerian Kesihatan ditunjukkan meninggal dunia dan (KSM).

**PPH** Dibincang Seorng bina mauti ditimpa runtuhan dinding bangunan di tempat kerja apabila mangsa tidak sempat lari menyelamatkan diri di Ladang Lenjina, Sungai Sendang di Bandar Sprinnghill, di sini.

Ketua Operasi Balai Bomba Port Dickson, Mohamad Rosman Md Nor berkata, mangsa, Murazak Bakti, 50, yang juga pentamplat letak ditimpakan oleh dinding berat di tempat kejadian berikutan kecenderungan jirah di kepala dan badan.

"Serpihan kaca, kawat besi yang berterbangan mengiringi runtuhan yang menyebabkan mangsa mengalami trauma berat akibat terusan larai," katanya.

Beliau berkata, mangsa

# HM - 02082022 - ms10

## Cemas bangunan asrama pelajar terbakar 80 peratus

**SEREMBAN** - Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Dato Haji Abu Hassan Haji Sali, Pedas di Rembau di sini, terpaksa meninjau sesi penyusunan dan pembalakan di rumah (IPD) sementara waktu selepas kejadian kebakaran di asrama sekolah berikutan.

Dalam kejadian jam 1 tengah hari kelmarin, bangunan asrama pelajar telah terbakar 80 peratus.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Pendidikan, Keselamatan, Pendidikan dan Modal Inven (MID) Mohd Rafiq bin Mohd Kadir, 50, berkata, kepantasan itu diambil selagi pertolongan segera diberikan kepada asrama itu.

Katanya, pelajar akan menyalami sesi IPD berkenaan sehingga penutupan sekolah selepas kejadian tersebut dilakukan Unit Penyelamat Malaysia (IPPM) Negeri Sembilan.



ANGKATA bomba memadam kebakaran blok di SMKA Dato Haji Abu Hassan Haji Sali yang terbakar; tengah hari kelmarin.

# TheStar - 30082022 - ms3

## New employment rules deferred

**KUALA LUMPUR** - The amended Employment Act that has been proposed to address the working conditions of foreign workers should be given one chance to pass.

The Human Resources Minister acknowledged that these measures should be given one chance to pass.

"While in a month or two after we have agreed the issue of the structure of workers, it will be more suitable for us to implement it," he said.

The Employment Act was amended to allow for among others, the extension of mandatory leave from three to seven days, and related working hours from 48 to 45 hours.

Initially scheduled to be implemented on Sept 1, the law since then has been deferred to Jan 1 next year.

Speaking to reporters yesterday after the launch of the Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health, Sarawakan said: "If we implement the shorter working hours from 48 to 45 hours, it will cause more problems in terms of increasing the cost of employing workers." He also noted that about 47,000 foreign workers had entered Malaysia in July in the job market.

"Of the number, about 19,000 workers, saying that employers

# BH - 20082022 - ms20

## Dua lelaki maut disyaki terkena renjatan elektrik




Kejadian yang dibincang mengisahkan dua lelaki maut akibat disyaki terkena renjatan elektrik di dalam kawasan Simulasi, Tempang Meranti dalam kawasan Melaka, semalam. (Foto: Olan Reilly)

**KEJADIAN** yang dibincang mengisahkan dua lelaki maut akibat disyaki terkena renjatan elektrik di dalam kawasan Simulasi, Tempang Meranti dalam kawasan Melaka, semalam.

"Dua lelaki disyaki terkena renjatan elektrik di dalam kawasan itu pada 11 Ogos, dan mangsa dikenali sebagai En. M. Saravanan dan En. M. Subramanian. Mangsa dikenali sebagai En. M. Saravanan dan En. M. Subramanian. Mangsa dikenali sebagai En. M. Saravanan dan En. M. Subramanian.

# TheStar - 09082022 - ms4

## Fire safety drill held at Larkin bus terminal



A mock fire being put out during the drill at Larkin Sentral Bus Terminal in Johor Baru.

**A FIRE** drill was conducted at the Larkin Sentral Bus Terminal in Johor Baru as part of a training exercise for its employees.

Larkin Sentral manager Mohd Helmi Mohd Affendi said it was important that all staff be equipped with fire safety knowledge to ensure a safe environment for everyone.

"Forty-two members of our Emergency Response Team (ERT), including officials from the building management, our employees, service contractors and bus drivers, were involved in the exercise.

# HM - 03082022 - ms5

## JKKP Selangor siasat punca lelaki mati dilibas bilet besi

**SHAH ALAM** - Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor sedang menyelidik punca kematian seorang pekerja lelaki yang dilibas bilet besi.

Dalam kejadian lanjut hari, mangsa mati akibat kemalangan ketika mengemudikan kenderaan (OTC) yang terparkir di dalam Waja Bukit Raja Industrial Estate, Klang sekitar jam 10 pagi.

"JKKP Selangor dalam menyiasat kemalangan melibatkan pekerja terbabit yang dilaporkan di sebuah kilang pembuatan logam yang terparkir di dalam Waja Bukit Raja Industrial Estate, Klang sekitar jam 10 pagi," Jabatan itu memaklumkan.

# HM - 16082022 - ms4

## Batu konkrit jatuh atas khemah di pasar

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) memaklumkan berlaku kemalangan kejadian batu konkrit kejat di lokasi pasar.

"Gerai peniaga yang terlibat sudah diarahkan tutup serta-merta bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku. Pihak pengurusan LRT3 memberhentikan kerja secara serta-merta.

# HM - 10082022 - ms23

## Pelajar cedera tangki air pecah timpa laluan

**KOTA BHARU:** Beberapa pelajar cedera selepas tangki air pecah dan menimpa laluan pejalan kaki di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Melor, di sini, semalam.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin ketika memaklumkan perkara itu berkata, semua pelajar yang cedera dihantar ke hospital untuk menerima rawatan.

"Selepas selesai sesi meninjau pertanyaan lisan di Dewan Negara, saya menerima berita mengenai kejadian tangki air pecah di SMK Melor, Kerteh, Kelantan.

"Dimaklumkan beberapa orang murid mengalami kecederaan akibat kejadian tangki air pecah yang menimpa laluan pejalan kaki di sekolah itu. Pelajar yang cedera sudah dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut," katanya menerusi kenyataan di Facebook.

# BH - 13082022 - ms4

## Kaji keselamatan sosial p-hailing, e-hailing

**KUALA LUMPUR** - Jajaran Keselamatan Sosial bagi pekerja sektor p-hailing dan e-hailing akan diteliti kepada-Jenab Menteri untuk kelulusan, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan.

Di bawah itu, beliau berkata, pihaknya akan bertemu dengan wakil-kompany terbabit bagi mendapatkan input seawal.

"Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji keselamatan sosial kepada kumpulan ini. Jika iya, ia akan ambil masa lama," katanya.

"Saya juga sudah berbangg dengan memangku Ketua Setiausaha Kementerian Perhubungan dan pemersatu tenaga kerjanya. Dalam tempoh ini, kita akan buat pengurusan bagaimana dapat memulakan keselamatan sosial kepada kumpulan ini."

# Disclaimer

Copyright 2022. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All right reserved. No part of this publication can be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner. Facts and opinions in articles published on FYI are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their articles including accuracy of the facts, statements, citing resources and so on.